**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 16**
**RUANGAN : NASIONAL**

# 51 pesakit dipindah, stor farmasi hospital terbakar

**Kuala Lumpur:** Seramai 51 orang pesakit di Hospital Papar dipindahkan sementara ke beberapa lokasi berbeza di hospital itu susulan kejadian stor farmasi terbakar pada petang kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, memaklumkan pada masa sama, terdapat lapan pesakit di Jabatan Kecemasan yang terkesan akibat insiden terbabit.

"Seramai 19 pesakit lelaki ditempatkan di Dewan Bedah, 14 pesakit wanita ditempatkan di Wad Materniti, 14 pesakit kanak-kanak kekal di Wad Kanak-kanak, sementara empat pesakit materniti termasuk dua pesakit pos natal kekal di Wad Materniti.

"Pesakit di Jabatan Kecemasan pula, seorang di zon merah telah dipindahkan ke Hospital Queen Elizabeth (HQE) dan tiga di zon kuning sedang menunggu untuk dipindahkan ke hospital sama," katanya menerusi hantaran di media sosial, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, empat lagi pesakit di zon kuning masih berada di khemah sementara yang didirikan di luar kawasan hospital.

"Setakat ini, tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kejadian terbabit dan punca kebakaran masih dalam siasatan pihak berkuasa dan nilai kerugian sedang dianalisis.

"KKM akan terus memantau situasi berkenaan dan memberikan maklumat lanjut kepada orang ramai dari masa ke masa," katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 pagi kelmarin, sebuah bangunan menempatkan stor farmasi Hospital Papar hangus terbakar; manakala bilik makmal kajian terkena bahang api.



*Situasi di pekarangan Hospital Papar ketika operasi pemindahan pesakit dan peralatan hospital akibat kebakaran di Papar.*
(Foto Ihsan Pejabat Parlimen Papar)

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 18**
**RUANGAN : LOKAL**

# Mohon peruntukan Kerajaan Persekutuan bina semula stor farmasi terbakar



KEADAAN cemas di pekarangan Hospital Papar ketika kebakaran.

**Papar:** Kerajaan negeri akan cuba memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi membina semula stor farmasi di Hospital Papar, di sini, yang musnah dalam kebakaran, kelmarin.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor berkata pihaknya sudah diberi penerangan mengenai kejadian berkenaan.

> "Kerajaan negeri kita akan cari jalan minta Persekutuan
> Hajiji Noor

"Kita diberi penerangan mengenai kejadian dan punca kebakaran masih disiasat oleh pihak bomba, tetapi kita juga melawat (hospital) ini bagi melihat keadaan sebenarnya.

"Jadi saya dimaklumkan dari segi ubat-ubatan yang rosak dan sebagainya, kosnya melebihi RM1.3 juta manakala bangunannya (stor farmasi) belum dapat ditentukan (kos).

"Kita di pihak kerajaan negeri amat prihatin jadi kita akan cari jalan termasuk meminta kerajaan persekutuan supaya membina semula bangunan yang rosak itu," katanya ketika ditemui pemberita selepas membuat tinjauan di lokasi kejadian, semalam.

Kelmarin, melaporkan stor farmasi hospital berkenaan terbakar dalam kejadian kira-kira jam 7 malam.

Kebakaran membabitkan sebuah stor perubatan farmasi manakala sebuah bangunan bilik makmal kajian terjejas terkena bahang.

**AKHBAR : KOSMO**
**MUKA SURAT : 16**
**RUANGAN : NEGARA**

# Ramai tidak tahu hidap diabetes

**TANJUNG MALIM** – Ramai rakyat Perak sebenarnya menghidap diabetes, namun tidak mengetahuinya kerana tidak melakukan pemeriksaan kesihatan berhubung penyakit itu.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A. Sivanesan berkata, tahap kesedaran penjagaan kesihatan rakyat Perak masih kurang memuaskan terutamanya melibatkan penyakit diabetis walaupun pelbagai program advokasi telah diadakan.

"Ada yang hanya tahu mereka mendapat diabetes selepas ditimpa kemalangan dan mendapat rawatan di hospital kandungan gula tinggi.

"Selain itu, ada yang hanya mengetahuinya selepas tahap kesihatan mereka merosot dengan teruk," katanya pada sidang akhbar Program Sambutan Hari Diabetes Sedunia Peringkat Hospital Slim River 2024 semalam.

Namun beliau tidak mendedahkan peratusan rakyat Perak yang menghidap diabetes.

Berdasarkan tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Mobiliti 2023, penyakit diabetes atau kencing manis telah dikenal pasti sebagai salah satu kematian di negara ini dengan data terkini menunjukkan bahawa 15.6 peratus atau 1 daripada 6 orang dewasa menghidap penyakit itu.

Selain itu, 84 peratus penghidap penyakit diabetes dalam lingkungan umur 18 hingga 24 tahun tidak mengetahui status kesihatan mereka.

**AKHBAR : SINAR**
**MUKA SURAT : 12**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Pesakit Hospital Papar ditempatkan di khemah

**PAPAR** - Khemah sementara didirikan bagi menempatkan pesakit dan kakitangan yang terkesan dalam kebakaran di Hospital Papar.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, keperluan seperti makanan dan minuman untuk kakitangan serta pesakit juga disediakan.

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, beliau dimaklumkan mengenai kejadian itu pada jam 7.15 malam, Isnin yang dipercayai bermula dari stor perubatan farmasi.

"Buat masa ini, khemah-khemah sementara telah didirikan untuk menempatkan pesakit-pesakit dan kakitangan hospital yang terkesan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, pihak bomba telah berjaya memadamkan api dan punca kebakaran akan disiasat.

"Syukur tiada sebarang kemalangan jiwa dan para pesakit sudah dipindahkan ke wad lain.

"Untuk sementara waktu ini, Pejabat Parlimen Papar akan membantu membekalkan makanan dan minuman sehingga pihak hospital dapat menyediakan makanan melalui pihak pembekal luar kepada pesakit memandangkan dapur penyediaan makanan hospital turut terjejas," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor memberitahu, beliau dimaklumkan kos ubatan yang rosak mencecah RM1.3 juta.

Sehubungan itu, ujarnya, kerajaan negeri akan mencari jalan untuk membantu hospital tersebut termasuk pembinaan bangunannya yang musnah akibat kebakaran itu.

"Kita akan meminta kerajaan persekutuan supaya membina semula bangunan menyimpan ubat yang rosak itu," katanya kepada pemberita ketika melawat Hospital Papar, di sini pada Selasa.

Dalam pada itu, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah Datuk Dr Asits Senna dalam kenyataannya memaklumkan, pesakit yang kurang stabil dan memerlukan rawatan serta penjagaan rapi telah dirujuk ke hospital berdekatan.

"Pihak Hospital Papar dengan kordinasi bersama Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) telah mengaktifkan pelan kontigensi untuk memastikan perkhidmatan kesihatan tidak terganggu, serta sentiasa siap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan.



Khemah sementara didirikan bagi menempatkan pesakit dan kakitangan Hospital Papar yang terjejas akibat kebakaran di hospital tersebut.

MEJA BULAT
SELEPAS 60 TAHUN, DI MANA SILAPNYA?

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 7**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**

# Serap segera doktor kontrak berkelayakan

**PETALING JAYA:** Kerajaan perlu menimbang senarai doktor kontrak berkelayakan yang masih menunggu untuk diserapkan sebagai pegawai perubatan tetap di dalam perkhidmatan awam.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Datuk Dr. Kalwinder Singh Khaira berkata, mereka yang berpengalaman dan berkelayakan wajar diberikan keutamaan untuk berkhidmat dalam sektor kesihatan awam negara.

Justeru, kata beliau, proses rayuan penempatan dalam kalangan doktor kontrak perlu dilakukan secara adil selain mengambil kira keperluan dan jumlah pegawai kesihatan yang sedia ada.

"Namun, kami berharap pertimbangan sewajarnya kepada baki doktor kontrak dalam senarai simpanan.

"Ini kerana bagi mengekalkan perkhidmatan semua tulang belakang sistem penjagaan kesihatan dengan melihat individu berkelayakan adalah lebih baik demi kestabilan dan masa depan kesihatan awam negara," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Minggu lalu, Kementerian Kesihatan memaklumkan, sebanyak 3,200 pegawai perubatan, 350 pegawai pergigian dan 400 pegawai farmasi yang memohon lantikan kontrak dilantik secara tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada 21 Oktober lalu.

Kementerian itu dalam kenyataan menjelaskan, mana-mana calon yang berhasrat membuat rayuan pertukaran penempatan boleh dibuat menerusi *Google Form* yang disediakan dalam sistem e-Placement.

Mengulas lanjut, Dr Kalwinder berkata, pihaknya mahu proses pemilihan jawatan doktor tetap dilakukan secara adil dan telus.

Katanya, perkara itu bukan sahaja mengambil kira daripada segi kelayakan, namun keperluan dan permintaan doktor di negara kepada nisbah pesakit untuk mencapai sistem kesihatan awam yang lebih berkualiti.

"Kami juga berharap penempatan akhir sebenar di fasiliti penjagaan kesihatan doktor adalah adil dengan mengambil kira keperluan jumlah tenaga kerja di fasiliti penjagaan kesihatan.

"Oleh demikian rayuan yang harus dipertimbangkan adalah berdasarkan alasan yang sah terutama mereka sudah menjalani latihan serta mengemukakan rayuan agar terus berkhidmat di tempat kerja semasa mereka," katanya.

Dalam pada itu, Jurucakap Hartal Doktor Kontrak, Dr. Muhammad Yassin menggesa kerajaan mengambil tindakan lebih menyeluruh untuk memastikan doktor kontrak mendapat jaminan kerjaya yang stabil.

Beliau berkata, isu tersebut perlu dipandang serius demi menjaga kebajikan pegawai perubatan yang menyumbang secara signifikan kepada sektor kesihatan negara.

"Apabila doktor kontrak tidak mempunyai jaminan kerjaya yang kukuh, ia secara langsung akan memberi kesan kepada komitmen dan kualiti perkhidmatan kesihatan awam.

"Masalah dialami oleh doktor kontrak dilihat semakin berlarutan, kumpulan itu juga terpaksa berdepan dengan kadar *on call* tidak setimpal dengan kerja lebih masa kerana kekurangan kakitangan," katanya.

# Fokus bidang perubatan, kesihatan

**PETALING JAYA:** Perubatan dan kesihatan antara bidang yang perlu diberikan fokus oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menyediakan penajaan program sub kepakaran kepada pensyarah universiti awam (UA).

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Ismi Arif Ismail berkata, langkah itu perlu supaya para pelajar dapat menerima manfaat dan kualiti pendidikan terbaik terutama dalam bidang itu yang dilihat semakin kritikal.

"Kami menyambut baik dan menyokong usaha yang dilakukan kerajaan ini kerana dapat meningkatkan kompetensi dan kesarjanaan para pensyarah untuk dikongsi bersama pelajar," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Semalam, media melaporkan, KPT berhasrat menyediakan lebih banyak penajaan di peringkat program sub kepakaran dan sabatikal pada masa depan dalam memartabatkan pendidikan tinggi negara, serta meningkatkan kepakaran dan kompetensi pensyarah UA seiring teknologi dan keperluan semasa.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, KPT kini sedang menyemak semula kemudahan penawaran dan syarat kelayakan baharu untuk program pasca kedoktoran dan tidak terhad kepada pensyarah berjawatan tetap sahaja.

Dalam pada itu, Pakar Pendidikan Pusat Pembangunan Kerjaya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Salleh Amat berkata, kerajaan juga perlu memastikan penerima biasiswa dapat menyambung pelajarannya ke universiti terkemuka dengan kepakaran unik yang tidak dimiliki Malaysia.

Katanya, perkara itu perlu diberi keutamaan supaya pensyarah ini boleh membawa pulang pengetahuan dan teknologi terkini untuk mengisi jurang kepakaran dan memperluaskan bidang yang penting bagi pembangunan negara.

"Pihak KPT juga boleh menyemak kursus yang ditawarkan di institusi tempatan untuk memastikan bidang yang kritikal dan belum ada kepakaran mencukupi diberi perhatian," jelasnya.

**AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**
**MUKA SURAT : 32**
**RUANGAN : DALAM NEGERI**






KLINIK Kesihatan Beserah perlu dinaik taraf sebagai hospital mini supaya ia bukan sahaja dilengkapi kemudahan perubatan tetapi turut menyediakan perkhidmatan unit kecemasan.

# Naik taraf Klinik Kesihatan Beserah sebagai hospital mini

**KUANTAN:** Kerajaan disaran menaik taraf Klinik Kesihatan Beserah kepada hospital mini yang dilengkapi kemudahan perubatan termasuk perkhidmatan kecemasan bagi memenuhi keperluan penduduk yang kian bertambah.

Pengerusi Eksekutif NNA Land, Datuk Nazrul Izad Mohd. Arsad berkata, klinik yang mula beroperasi pada 9 September 2004 itu, memberi manfaat kepada kira kira 66,000 penduduk termasuk menyelia Klinik Desa Alor Batu di sini.

Katanya, kemudahan hospital mini bertujuan mengelakkan penduduk di Beserah daripada tertumpu ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) yang selalu penuh dan mengelakkan waktu menunggu yang lama untuk mendapatkan rawatan.

"Jika berlaku kecemasan penduduk sekitar Beserah, tidaklah perlu ke HTAA. Bayangkan penduduk dari Kampung Sungai Ular yang perlu memandu sejauh 35 kilometer jika berlaku kecemasan terutama waktu malam," katanya di sini semalam.

Nazrul yang juga Pengerusi Tetap UMNO Bahagian Indera Mahkota berkata, tanah dalam kawasan klinik berkenaan dijangka mampu untuk membangunkan 10 tingkat bangunan yang boleh menampung 100 ke 150 katil pesakit dan parkir bertingkat.

"Kemudahan klinik mini membantu penduduk di DUN Beserah dan Parlimen Indera Mahkota untuk perlu lagi bersesak ke HTAA. Saya mohon kerajaan negeri mengkaji perkara ini dan mencadangkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim secepat mungkin," katanya.

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 1**
**RUANGAN : MUKA HADAPAN**







A vape shop displays a sign on the age requirement for customers. – ADIB RAWI YAHYA/THESUN

## Harassment by parking touts bane of drivers

**Motorists want tougher enforcement by City Hall to eradicate scourge that is tarnishing image of capital.**

Report on page 6

## Calls to snuff out smoking, vaping among students

**Experts suggest tightening tobacco laws, prioritising problem by allocating adequate funding to beef up enforcement with assistance of schools and parents, and creating early awareness of menace among children.**

Report on page 3

**AKHBAR : THE SUN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NATIONAL**



# Poor enforcement hitch to curbing smoking, vaping

BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

**Limited budget, low priority restrict efforts to discourage students from unhealthy activities as agencies struggle to prevent illegal sales of harmful products: Experts**

**PETALING JAYA:** Insufficient funding and ineffective enforcement have contributed to the rising number of students caught smoking and vaping, said Universiti Kebangsaan Malaysia public health medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh.

"The government's limited budget and poor prioritisation have significantly hindered efforts to curb smoking and vaping among students. Insufficient funding restricts the resources required to discourage students from involvement in such harmful activities," she said.

Sharifa Ezat was commenting on Deputy Education Minister Wong Kah Woh's Nov 5 statement that 2,365 students were involved in smoking, and 12,252 were caught vaping over the past nine months.

She said Malaysia's wide borders and proximity to vape producing countries like China, contributed to enforcement leakages, allowing such products to reach young users.

"Failure to prioritise this growing problem has caused enforcement agencies to struggle to allocate the necessary personnel and tools to prevent illegal sales and imports of vape products."

Sharifa Ezat said early exposure to nicotine and its use affects adolescent brain development and disrupts the formation of "brain circuits" that control attention and learning.

She added that young students are more susceptible to nicotine addiction and harm, including poisoning and fatalities.

"If not curbed, nicotine addiction is more easily developed in the adolescent brain than in adults. Hence, anti-vaping and anti-smoking education should start early, as children as young as 10 are being introduced to tobacco, usually through a male parent, relatives or family members.

"Such exposure has made it more crucial to educate them before they encounter these substances that can lead to long-term health issues."

The Malaysian Muslim Teachers Association also urged the authorities to address the smoking and vaping menace before it gets out of hand.

Its president, Mohd Azizee Hassan, said the issue persists despite countless media reports highlighting the growing number of students smoking and vaping.

He called for comprehensive enforcement involving various ministries so that policies could be developed and tobacco laws tightened to discourage the habit.

"Politicians need to prioritise the nation's well-being over political interests. Even though those involved in it represent only 0.2% of all students in Malaysia, it should be of concern to all parties."

On Oct 9, theSun reported that vape products are intentionally made to look like stationery to entice students to buy them.

Mohd Azizee said while stricter enforcement is needed, school administrators should play a role in monitoring and enforcing the rules.

He said often, students engage in such activities outside school grounds, which is beyond the school's jurisdiction.

"The smoke-free school concept is good, but the challenge arises after school hours. So social support from parents and the community is crucial," he said.

National Association of Private Educational Institutions secretary-general Dr Teh Choon Jin said schools have policies against smoking and vaping. But he also pointed to poor enforcement as a challenge.

"The Health Ministry's Five-Year Advocacy Plan, which aims to protect young people from smoking, could be used as a model to encourage similar outreach on vaping," he said.

"On a broader scale, policies like the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 set strict regulations, including the ban on vape sales within 40m of schools and preventing online sales to minors," he said.